

Journal of Islamic Educational Research (JIER)

e-ISSN: 0128-2069

Tajdid dalam Tarekat Sayyid Ahmad bin Idris: Tinjauan Pemikiran Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin Dan Implikasinya terhadap Pendidikan Islam

Renewal in the Tariqa of Sayyid Ahmad bin Idris: A Review of the Thought of Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin and Its Implications for Islamic Education

Suria Saad*, Ahmad Yussuf & Muhamad Nasir Mohamad Salleh*****

Article Information	ABSTRAK
<i>Received:</i> 13.05.2025	Penyelewengan dalam pengamalan tarekat telah mengakibatkan salah faham yang mencemarkan imej Islam dan institusinya. Tarekat sebagai jalur pendidikan rohani dalam Islam, memerlukan pendekatan tajdid bagi menjamin ketulenan dan kesesuaian dengan tuntutan zaman. Kajian ini meninjau pemikiran tajdid Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin dalam Tarekat Sayyid Ahmad bin Idris khususnya dalam konteks pendidikan Islam. Menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap karya dan dokumentasi berkaitan, daptan menunjukkan tiga asas tajdid utama: kepentingan mengenali mursyid tarekat, penekanan terhadap keilmuan berasaskan Al-Qur'an dan Al-Sunnah, dan pemeliharaan ketulenan amalan tarekat. Kajian ini mencadangkan model pembaharuan dalam pendidikan kerohanian Islam yang berteraskan tarekat sahih sebagai wahana pembentukan sahsiah dan transformasi sosial. Implikasinya menunjukkan bahawa pendekatan tarekat yang berpaksikan ilmu dan sanad sahih boleh diinstitusikan dalam sistem pendidikan Islam kontemporari secara bersepadu dan berstruktur.
<i>Accepted:</i> 03. 06. 2025	

Kata kunci : *Tajdid, Tarekat, Sayyid Ahmad bin Idris, Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin*

Deviations in the practice of tariqah have led to misunderstandings that tarnish the image of Islam and its institutions. Tariqah as a path for spiritual education in Islam, requires a renewal approach to ensure its authenticity and relevance to contemporary demands. This study explores the thoughts of renewal proposed by Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin within the Tariqah of Sayyid Ahmad bin Idris specifically within the context of Islamic education. Adopting a qualitative approach through content analysis of related works and documentation, the findings reveal three key principles of renewal: the importance of recognizing the mursyid (spiritual guide) of the tariqah, emphasizing knowledge based on the Qur'an and Sunnah, and preserving the authenticity of tariqah practices. This study proposes a model for reforming spiritual education in Islam based on authentic tariqah, as a means of shaping character and achieving social transformation. Its implications suggest that an approach to tariqah grounded in knowledge and an authentic chain of transmission (sanad) can be institutionalized within the contemporary Islamic education system in a holistic and structured manner.

Keywords : *Tajdid, Tariqah, Sayyid Ahmad bin Idris, Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin*

Citation Information: Saad, S., Yussuf, A., & Mohammad Salleh, M. N. (2025). Tajdid dalam Tarekat Sayyid Ahmad bin Idris: Tinjauan Pemikiran Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin dan implikasinya terhadap Pendidikan Islam. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 11(1), 20-28.

1. PENGENALAN

Tarekat didefinisikan sebagai jalan untuk mencapai kebenaran atau tatatertib hidup dalam mengikuti peraturan agama (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Tarekat merupakan salah satu institusi pemantapan spiritual Muslim yang selalunya dinisbahkan kepada golongan sufi, iaitu golongan yang berusaha secara bersungguh-sungguh memperelok keadaan hati dan menelusuri setiap langkah kebaikan bagi mendapatkan keredhaan Allah SWT melalui didikan yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah (Syed Hadzrullah Syed Omar & Nurul Aarifah Musa, 2015). Imam Al-Ghazali (m.1111 H) dipetik berpendapat bahawa para Sufi merupakan pencari kebenaran yang paling hakiki kerana perjalanan mereka adalah paduan antara ilmu dan amal yang akan menghasilkan buah akhlak (Zaini, 2017).

* PhD Candidate at the Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: nurshine82@yahoo.com.

** Senior Lecturer at the Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: amdysf@um.edu.my.

*** Senior Lecturer at the Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: nasir1990@um.edu.my.

Menyimpulkan pandangan ilmuan tersohor seperti al-Qushairi (m.1073 M), al Ghazali (m.1111 M), Ahmad Zarruq (m.1493 M) dan Ali Jumaaah (2009) serta Syed Hadzrullathfi Syed Omar & Nurul Aarifah Musa (2015) menyebutkan bahawa tarekat sufi dapat difahami sebagai madrasah penyucian hati daripada segala keburukan dan menghiasinya dengan kasih Allah SWT dan para utusanNya sehingga tiada yang didamba melainkan kembali kepadaNya bersama keredhaanNya. Perjalanan tarekat adalah dibawah bimbingan seorang guru utama, iaitu penasihat yang disifatkan sebagai al-kamil (sempurna) dari aspek ma'rifah dan ketakwaannya kepada Allah SWT

Berdasarkan definisi yang dinyatakan, dapat difahami bahawa perjalanan tarekat merupakan sesuatu yang mulia serta mempunyai sandaran yang benar mengikut panduan al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Tidak hanya berada pada landasan kebenaran, sejarah juga telah menunjukkan bahawa tarekat benar-benar memiliki keistimewaan dan kehebatan yang luar biasa dalam mencipta jati diri umat. Namun, imej tarekat sering tercemar oleh pengamalan yang menyimpang daripada ajaran asal. Realiti hari ini, tarekat sering dianggap sebagai ajaran yang menyeleweng. Menurut Siti Zuraidah Ismail (2010), tarekat adalah antara yang tersenarai dalam kategori ajaran sesat. Ini kerana wujudnya pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang mempergunakan nama tarekat tasawuf dalam ajaran sesat mereka (Abdul Majid Omar, 2008).

Dalam menghadapi cabaran semasa seperti sekularisasi, materialisme dan kelunturan nilai, pendekatan tajdid dalam bertarekat menjadi satu keperluan penting sebagai salah satu usaha membersihkan kembali nama baik tarekat serta menjadikannya sebagai solusi dalam merungkai kecelaruan dan kerosakan yang berlaku dalam masyarakat. Hal ini bersesuaian dengan definisi tajdid sebagai suatu proses pembaharuan umat Islam yang menjurus ke arah mengeluarkan umat Islam daripada kepincangan kepada keadaan yang lebih baik dan cemerlang (Zuraidah Othman, 2012).

Sayyid Ahmad bin Idris, tokoh tarekat sufi kurun ke-19, telah membawa suatu manhaj pendidikan rohani yang berpaksikan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah serta menolak taqlid buta. Berdasarkan konteks kajian ini, Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin sebagai tokoh kontemporari yang meneruskan legasi ini telah menyusun semula manhaj tersebut agar sesuai dengan kerangka institusi moden.

Justeru, artikel ini bertujuan menganalisis pemikiran tajdid Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin dalam Tarekat Sayyid Ahmad bin Idris dan implikasinya terhadap pembangunan pendidikan Islam semasa. Fokus utama kajian adalah kepada pemikiran tajdid yang digariskan beliau, serta cadangan pelaksanaannya dalam sistem pendidikan Islam yang holistik.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kandungan. Sumber primer terdiri daripada karya-karya berkaitan Sayyid Ahmad bin Idris dan tarekat beliau oleh Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin serta dokumen-dokumen rasmi Masyyakhah Tarekat Ahmadiah Idrisiah Muhammadiyah Asia Tenggara. Penghasilan karya melalui salinan, terjemahan dan olahan semula daripada manuskrip asal berkaitan Sayyid Ahmad bin Idris dan tarekat beliau menjadikan rujukan ini diyakini keaslian dan kesahihannya. Sumber sekunder pula dirujuk daripada kajian terdahulu oleh tokoh-tokoh seperti Soleh Al-Ja'fari dan O'Fahey. Data dianalisis secara tematik berpandukan tiga fokus utama iaitu:

- i.Pengiktirafan mursyid yang sah;
- ii.Keilmuan sebagai asas tarbiah;
- iii.Ketulenan amalan dalam tarekat.

3. PENGENALAN DAN TAREKAT SAYYID AHMAD BIN IDRIS

Sayyid Ahmad bin Idris merupakan seorang ulama Sufi yang unggul dan terkenal pada abad ke-19. Beliau berasal dari Fes, Maghribi dan mempunyai susur galur kelahiran yang bersambung sehingga kepada Rasulullah SAW melalui cucunda Baginda iaitu Sayyiduna Hasan bin Sayyiduna Ali RA.

Sayyid Ahmad bin Idris memiliki personaliti yang luar biasa. Beliau membesar dalam persekitaran ilmu bermula dari usia kecil dengan menghafal Al-Qur'an dan matan-matan ilmu. Beliau seterusnya melengkapkan pengajian di Universiti Qawariyyun hingga dilantik menjadi tenaga pengajar di sana. Keluasan ilmu Sayyid Ahmad bin Idris mendapat pengiktirafan ramai tokoh ulama antaranya Syeikh Abdul Wahab Al-Tazi, Syeikh Al-Mujaidiri dan lainnya. Ketokohan beliau dalam menguasai pelbagai bidang ilmu Islam menjadikan beliau sebagai ulama yang sentiasa menjadi tumpuan para ulama dan penuntut ilmu daripada seluruh pelosok dunia. Antara murid-murid beliau yang masyhur adalah Sayyid Muhammad bin Ali Al-Sanusi, Sayyid Muhammad Uthman Al-Mirghani, Syeikh Ibrahim Al-Rasyid, Syeikh Abdul Rahman Al-Ahdali dan ramai lagi (Ahmad Mustofa, 2023; Muhammad Fuad Kamaludin, 2022b).

Sayyid Ahmad bin Idris tidak banyak menghasilkan karya penulisan kerana kecenderungan beliau adalah menyampaikan dakwah melalui pengajaran ilmu yang menjadi rutin harian beliau. Misi utama dakwah Sayyid Ahmad bin Idris adalah mewujudkan kesatuan

ummah melalui persaudaraan Islam global (Bellamy & Trimingham, 1975). Beliau juga merupakan tokoh yang tegas menolak taqlid dan sikap taksub dalam bermazhab.

Kisah perjalanan ilmu dan dakwah Sayyid Ahmad bin Idris bermula di Maghribi sehingga ke negara terakhir permusafiran beliau di Yaman telah menjadi inspirasi terbaik buat umat. Sayyid Ahmad bin Idris mengakhiri hidupnya di Sabya, Yaman pada usia 80 tahun (Ahmad Mustofa, 2023; Muhammad Fuad Kamaludin, 2022b). Jalur keturunan Sayyid Ahmad bin Idris yang masih ada pada hari ini dan bertanggungjawab dalam menyelia tarekat beliau secara rasmi di bawah seliaan Masyyakhah Turuq Sufiyah Mesir adalah daripada dua orang putera beliau iaitu Sayyid Muhammad Al-Gauth Al-Idrisi dan Sayyid Abdul Aali Al-Idrisi (Masyyakhah Tarekat Ahmadiah Muhammadiyah Asia Tenggara, 2020).

Justeru, Sayyid Ahmad bin Idris telah mempelopori sebuah tarekat yang dinamakan sebagai tarekat Muhammadiyah Ahmadiah. Berkaitan penamaan tarekat ini, Sayyid Muhammad bin Ali al Sanusi dipetik berkata :

“Sesungguhnya tarekat ini telah dinamakan oleh pemiliknya (Imam Ahmad bin Idris RA) dengan nama tarekat Muhammadiyah dan Ahmadiah.”

(Al-Anwar al Qudsyyah :18)

Beliau juga menyebut bahawa:

“Penisbahan tarekat Muhammadiyah kepada Sayyiduna Muhammad SAW dan bukan kepada selainnya ialah kerana ikutannya terhadap Sunnah pada perkara yang sedikit dan banyak.”

(Zakhirah Muajjalah : 23)

Al-Qadhi Hasan ‘Akish pula menyebut:

“Tarekat ini dinamakan al-Muhammadiyah. Dari sudut keistimewaananya, ia merupakan tarekat yang dinisbahkan kepada Nabi SAW. Semua perkara yang terkandung di dalam tarekat ini merupakan ambilan dan cedokan daripada Rasulullah SAW dan Sunnahnya. Ini kerana, selepas orang yang menjalani tarekat ini menyelesaikan tuntutan bidayah (permulaan tarekat) dan suluknya dengan mengikuti manhaj istiqamah sebagaimana yang dijelaskan oleh al Quran dan Sunnah, dia akan menyibukkan dirinya pula dengan bersalawat ke atas Nabi SAW sehingga meninggalkan kesan ke dalam hatinya.”

(Al-Muntaqa Al-Nafis : 8)

Tarekat Ahmadiah mempunyai Tiga Aurad Asas iaitu Zikir Makhsus, Salawat `Azimiah dan Istighfar Kabir. Tiga Aurad Asas ini perlu ditalqinkan kepada seseorang yang mahu memasuki tarekat Ahmadiah. Namun memadai juga talqin dengan Zikir Makhsus yang merupakan slogan utama Tarekat mulia ini (Muhammad Ali, 2018).

Muhammad Fuad Kamaludin (2022c) merumuskan 9 manhaj utama tarekat ini iaitu:

1. Aqidah Ahmadiah berpandukan huraian terhadap aqidah Imam Syafi’i.
2. Taubat dan Istighfar.
3. Ikutan terhadap Al-Qur'an dan Al-Sunnah melalui ;
 - i) penghadapan terhadap penghayatan makna-makna Al-Qur'an, dan ii) penyandaran terhadap Rasulullah SAW.
4. Istihdar zat Rasulullah SAW.
5. Kaedah 4 Sayyid Ahmad bin Idris iaitu Muhasabah, Mendapatkan keredhaan Allah SWT, Rahmah dan Kemuliaan Akhlak.
6. Ikhlas da Sidq (benar).
7. Mengutamakan Ilmu
8. Karya Terpilih Ulama.
9. Khauf (takut kepada Allah SWT dan Raja' (harap kepada Allah SWT).

Tarekat Sayyid Ahmad bin Idris ini telah tersebar ke serata dunia melalui usaha murid-murid dan zuriat beliau. Di Malaysia, tarekat ini yang lebih dikenali dengan nama tarekat Ahmadiah telah mula bertapak sekitar tahun 1860 hasil kesinambungan dakwah murid-murid Syeikh Ibrahim al-Rasyid. Antara tokoh ulama terawal yang bergiat aktif dalam usaha penyebaran tarekat Ahmadiah di Malaysia ialah Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh atau lebih dikenali sebagai Tuan Tabal (m. 1891) di Kelantan (Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor, 2009) dan Syeikh Muhammad Said Al-Linggi (m. 1926) di Negeri Sembilan (Mohammad Fahmi Abdul Hamid & Ishak Sulaiman, 2017).

Tarekat ini telah membuktikan bahawa pengamalannya mengikut manhaj dan amalan sebenar yang diasaskan oleh Sayyid Ahmad bin Idris berupaya mencetuskan pemikiran yang dinamik hingga berjaya membangunkan sebuah negara dengan sistem

pemerintahan yang begitu terbilang. Kerajaan Adarisah di Yaman dan kerajaan Libya merupakan dua contoh kerajaan yang diasaskan dan dipimpin oleh pengamal tarekat Muhammadiah Ahmadia. Kerajaan Adarisah diasaskan oleh Sayyid Muhammad bin Ali al Yamani, cucunda Sayyid Ahmad bin Idris, manakala kerajaan Libya diasaskan oleh Sayyid Muhammad bin Idris al-Sanusi yang merupakan cucunda kepada murid kanan Sayyid Ahmad bin Idris bernama Sayyid Muhammad bin Ali al-Sanusi (Muhammad Fuad Kamaludin, 2023b). Selain itu, kekuatan rohani yang terhasil daripada pengamalan yang benar terhadap manhaj tarekat ini telah terbukti berjaya melahirkan tokoh-tokoh hebat seperti Omar al-Mukhtar yang dikenali dengan gelaran Singa Padang Pasir (Lion of the Desert) yang mendapat didikan syeikhnya, Sayyid Ahmad al-Syarif al-Sanusi, dan tokoh ilmuan tersohor yang juga merupakan imam Jami' al-Azhar, Mesir iaitu Syeikh Soleh bin Muhammad al-Ja'fari yang merupakan hasil didikan daripada cucunda Sayyid Ahmad bin Idris iaitu Sayyid Muhammad al-Syarif al-Idrisi (Suria Saad & Ahmad Yussuf, 2022).

Tarekat ini juga jelas merupakan sebuah tarekat yang sangat istimewa sehingga ia telah menjadi subjek kajian para sarjana di timur dan barat. Kajian berkaitan Sayyid Ahmad bin Idris, tarekat dan murid-muridnya telah mendapat perhatian khusus daripada ramai pengkaji barat antaranya seperti yang dilakukan oleh kumpulan penyelidik yang diketuai oleh O'Fahey. (1990), daripada Universiti Bergen, Norway. Beliau menyebut dalam pendahuluan bukunya berjudul *Enigmatic Saint* :

“Kami bermula pada tahun 1984 dengan mengadakan seminar mingguan di Bergen yang dikhurasukan untuk membaca surat-surat Ibnu Idris dan penulisan-penulisan lain; melalui seminar ini telah direkrut Profesor Joseph N. Bell, Dr. Einar Thomassen, Hocine Ghegaglia, Richard Natvig dan Knut S. Vikør. Tatkala tempo pengajian berkaitan Ibnu Idris di Bergen semakin rancak, rangkaian sarjana antarabangsa yang benar-benar berminal turut terlibat. Profesor Fred De Jong membawa ke Bergen sebahagian kecil koleksi hebat beliau berkaitan Kesufian abad ke-19 dan ke-20. Individu-individu lain yang turut menyumbang melalui pelbagai cara termasuklah M.I. Abu Salim, Mustafa A. Ali, Husain al Amri, Ismail al Bishri, Hussein al Dabbagh, P.M. Holt, J.O. Hunwick, IBNG. Martin, Ulrika Mårtensson, Bernd Radtke, Per Rasmussen, G. Rex Smith, J. O. Voll, dan Yahya Muhammad Ibrahim.”

4. BIOGRAFI HAJI MUHAMMAD FUAD BIN KAMALUDIN

Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin dilahirkan pada 29 Sya'aban 1394 Hijrah bersamaan 16 September 1974 di Rembau, Negeri Sembilan. Anak bongsu daripada 5 orang adik beradik ini merupakan graduan Universiti al Azhar, Mesir dalam bidang Syariah Islamiyyah. Usaha dakwah beliau mula berkembang setelah beliau kembali ke tanah air selepas menamatkan pembelajarannya dengan penuh cemerlang pada tahun 1999. Beliau kemudiannya telah mengasaskan pondok pengajian yang diberi nama Maahad al Taufiqi, Chenong, Rembau Negeri Sembilan pada tahun yang sama. Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin kemudiannya mengasaskan Yayasan Sofa Negeri Sembilan dan Kumpulan Pendidikan Sofa yang bertujuan memperkasa usaha menyebarkan dakwah melalui pendidikan. Beliau juga pernah memegang jawatan rasmi sebagai Pengurus Aqidah Kerajaan Negeri Sembilan dan Ahli Majlis Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan (Mujahid Abdul Wahab, 2015). Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin juga turut aktif menghasilkan buku-buku agama dalam pelbagai bidang termasuk berkaitan tarekat.

Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin merupakan tokoh yang berkehilangan dalam membicarakan berkaitan tarekat Sayyid Ahmad bin Idris. Beliau mula bergiat aktif dalam usaha mengkaji serta mendalamai tarekat ini semenjak tahun 1999. Tidak hanya mengkaji, beliau juga merupakan pengamal tarekat ini sejak menerima ijazah tarekat ini pada usia 8 tahun (Suria Saad & Nor Dalilah Zakaria, 2021). Penglibatan secara rasmi dalam arena tarekat Sayyid Ahmad bin Idris ini bermula semenjak beliau dilantik sebagai Syeikh Tarekat Ahmadiah Idrisiah Muhammadiah Asia Tenggara oleh Prof. Dr. Sayyid Abdul Wahhab al Tazi al Hasan al Idrisi, Syeikh Tarekat Ahmadiah Idrisiah Muhammadiah Dunia ketika ini yang juga merupakan zuriat kepada Sayyid Ahmad bin Idris. Lantikan tersebut adalah berdasarkan khidmat cemerlang beliau terhadap Tarekat Imam Ahmad bin Idris sejak sekian lama (Masyyakhah Tarekat Ahmadiah Idrisiah Muhammadiah Asia Tenggara, 2020).

Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin telah menjalankan kajian yang mendalam serta mengadakan siri permusafran ke seluruh dunia dalam usaha menggali khazanah tinggalan Sayyid Ahmad bin Idris melalui Pusat Penyelidikan Imam Ahmad ibn Idris yang telah beliau tubuhkan secara rasmi pada tahun 2017. Sehingga April 2020, pusat penyelidikan tersebut telah berjaya menerbitkan 63 buah kitab berkaitan Sayyid Ahmad bin Idris dan Tarekat beliau (Suria Saad & Nor Dalilah Zakaria, 2021). Melalui usaha besar ini juga beliau telah berhasil memperbetulkan pelbagai fakta salah berkaitan Sayyid Ahmad bin Idris dan tarekat beliau antaranya berkaitan tempat kelahiran Sayyid Ahmad bin Idris, kebenaran amalan dan karya yang disandarkan kepada Sayyid Ahmad bin Idris, begitu juga berkaitan tohongan hubungan buruk antara murid-murid beliau. Kesemua penjelasan ini telah diterbitkan dalam pelbagai karya beliau sebagai usaha “Menolak Kepalsuan Dan Memperkasakan Ketulenan” yang menjadi moto Masyyakhah Tarekat Ahmadiah Idrisiah Muhammadiah Asia Tenggara yang dipimpin oleh beliau.

Antara pencapaian terbesar beliau adalah kejayaan menghimpunkan kesemua karya tinggalan Sayyid Ahmad bin Idris yang telah dibukukan dan diberi tajuk *Min Turath Ahmad ibn Idris RA* serta menerbitkan himpunan amalan lengkap tarekat Ahmadiah dalam karya berjudul *Permata Ungul Dalam Aurad Ahmadiah*. Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin juga telah berjaya menerbitkan dan mencetak serta mengedarkan lebih 20 ribu naskhah kitab Ahzab Sayyid Ahmad bin Idris kepada para pengamal tarekat Ahmadiah

di seluruh dunia. Di samping itu, Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin juga mempunyai hubungan yang akrab dengan zuriat-zuriat Sayyid Ahmad bin Idris dan juga zuriat-zuriat murid-muridnya (Muhammad Fuad Kamaludin, 2022a). Keakraban hubungan ini menjadi sebab beliau diberi kepercayaan penuh menyimpan pelbagai khazanah peninggalan Sayyid Ahmad bin Idris antaranya manuskrip-manuskrip kitab ilmu tulisan tangan Sayyid Ahmad bin Idris dan tasbih beliau yang sebelumnya menjadi simpanan berharga zuriat Sayyid Ahmad bin Idris (Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2024).

5. PEMIKIRAN TAJDID DALAM TAREKAT AHMADIAH

Aliran tarekat tasawwuf dilihat sentiasa berkembang dari masa ke semasa. Pembaharuan ketara dapat dilihat dari sudut penghasilan karya penulisan serta perubahan daripada pengamalan individu kepada sistem organisasi yang tersusun. Meskipun jelas memiliki keistimewaan serta manfaat yang besar dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT, namun atas beberapa faktor, tarekat menjadi sesuatu yang asing untuk diikuti dan dijadikan panduan kehidupan. Keindahan menjalani tarekat seakan terhad bagi golongan tertentu sahaja lantaran kegagalan memahami erti sebenar bertarekat. Wujudnya salah laku dalam pengamalan segelintir tarekat telah menyebabkan keseluruhan perjalanan tarekat mendapat tempiasnya. Lantaran itu tarekat sering dikaitkan dengan ajaran sesat dan seumpamanya, sedangkan hakikatnya bertarekat adalah usaha murni menuju kepada hakikat perhambaan yang sebenar kepada Allah melalui ilmu yang benar berpandukan al Quran dan sunnah.

Di Malaysia, kewujudan Enakmen Tarekat Negeri membantu dalam memastikan sistem yang lebih tersusun bagi sesebuah tarekat. Meskipun belum dipraktikkan di seluruh negara, namun kewujudan badan yang menyelia tarekat yang berdaftar ini sedikit sebanyak membantu dalam mengawal penularan ajaran sesat atas nama tarekat. Bertarekat dianggap sesuatu yang perlu dalam menjalankan perintah syariat dan mengikuti al-Sunnah, sunat dalam menelusuri jalan sufi bagi penyucian hati, manakala wajib bagi pengukuhan akidah (Syed Hadzrullathfi Syed Omar & Nurul Aarifah, 2015). Selain itu, saranan memasyarakatkan tarekat sebagai medan memperbaiki diri (Mohammad Fahmi Abdul Hamid & Ishak Sulaiman, 2017) merupakan suatu perkara yang perlu diusahakan sebaiknya bagi menyebarluaskan manfaat bertarekat kepada seluruh ahli masyarakat.

Kelemahan utama dalam memahami tarekat khususnya tarekat Ahmadiyah berlaku apabila kebanyakan kajian hanya berbentuk penilaian secara luaran tanpa mendalaminya hakikat sebenar perjalanan tarekat yang bersifat amalan kerohanian. Hal ini menjadikan kajian terhadap tarekat tidak dapat difahami secara mendalam khususnya berkaitan amalan serta tarbiah sebenar Sayyid Ahmad bin Idris kepada murid-muridnya. Atas dasar ini, O'Fahey (1990) pada kesimpulan kajiannya menyebutkan bahawa apa yang diajarkan oleh Sayyid Ahmad bin Idris masih tidak mampu dirungkai sepenuhnya. Namun, beliau menyebut bahawa perkara utama dalam membina personaliti hebat murid-murid Sayyid Ahmad bin Idris seperti Muhamamd bin Ali Al-Sanusi dan Muhammad Uthman al-Mirghani adalah dengan berpegang kepada keaslian terhadap apa yang dibawa oleh Sayyid Ahmad ibn Idris.

Justeru, memahami konsep sebenar atau idea yang mendasari tarekat Ahmadiyah ini adalah suatu keperluan yang tidak boleh diabaikan dalam usaha melahirkan kesan baik dalam diri, masyarakat dan umat seperti mana yang telah terhasil melalui tarbiah Sayyid Ahmad bin Idris. Ini kerana setiap tarekat mempunyai kaedah dan amalan-amalan tertentu dalam mengamalkan disiplin kerohanian (Mohd Haidhar Kamarzaman, 2018) bagi mencapai matlamat yang diinginkan.

6. KONSEP TAJDID DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENDIDIKAN ISLAM

Konsep *tajdid* (تجديد) dalam Islam merujuk kepada usaha pembaharuan atau pemulihian ajaran agama agar tetap relevan dan murni sesuai dengan Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Secara literal, *tajdid* (تجديد) bermaksud pembaharuan atau mengembalikan sesuatu kepada bentuknya yang asal (Mohammad Hashim Kamali, 2013). Dalam konteks agama, ia merujuk kepada usaha menghidupkan kembali ajaran Islam yang telah dilupakan atau diabaikan, serta menghapuskan amalan-amalan yang tidak berlandaskan syariat. *Tajdid* (تجديد) merupakan usaha pembaharuan dalam aspek kefahaman dan pelaksanaan ajaran Islam tanpa mengubah prinsip asal agama. Pembaharuan yang dilakukan adalah berpandukan apa yang diperlukan oleh agama bagi memelihara Turath Islam daripada diselewengkan sewenang-wenangnya (Omara & Bergbouth, 2025). Pembaharuan ini penting untuk memastikan bahawa ajaran Islam tidak terpengaruh oleh bid'ah dan khurafat yang boleh menyesatkan umat. Dalam konteks pendidikan Islam, *tajdid* (تجديد) berperanan menstruktur semula pendekatan pendidikan agar relevan dengan zaman tanpa mengorbankan nilai Islam yang amat menekankan penyatuan antara ilmu, iman dan amal serta pembinaan insan kamil.

Melalui pendidikan Islam yang berorientasikan pembaharuan, umat Islam dapat menghadapi cabaran moden tanpa mengorbankan prinsip-prinsip asas agama. Institusi pendidikan seperti sekolah dan madrasah berperanan dalam memurnikan ajaran Islam dengan menghapuskan unsur-unsur bid'ah dan tahayul dalam pengajaran agama. Di samping itu, inovasi kurikulum juga perlu dilakukan dengan mengintegrasikan ilmu pengetahuan moden dengan nilai-nilai Islam. Penggunaan pendekatan

pengajaran yang interaktif dan kritis juga merupakan pembaharuan bermanfaat dalam arena Pendidikan Islam bagi meningkatkan kefahaman pelajar berkaitan ilmu Islam.

7. HASIL KAJIAN

Penelitian terhadap literatur kajian mendapati dasar pemikiran *tajdid* Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin dalam tarekat Sayyid Ahmad bin Idris adalah:

1. Mengenali Syeikh yang Sahih

Mengenali pengasas sesebuah tarekat merupakan asas utama dalam memahami keaslian, prinsip, dan hala tuju manhaj tarekat tersebut. Dalam konteks tarekat Ahmadiyah, pengenalan yang mendalam terhadap Sayyid Ahmad bin Idris sebagai pengasas adalah langkah pertama dalam memastikan kesinambungan tajdid yang bersifat autentik. Sebagaimana ditegaskan oleh Nasr (2007), dalam tradisi kesufian, autoriti spiritual yang sahih haruslah bersandar kepada silsilah (sanad) yang bersambung dengan Rasulullah SAW, dan bukan semata-mata berdasarkan populariti atau karisma individu.

Penyelewengan terhadap ajaran tarekat sering berlaku apabila para pengikut hanya mengenali khalifah atau penyebar semasa sesebuah tarekat tanpa mengenali dengan sebenarnya berkaitan pengasas tarekat yang diikuti serta amalan sahih yang dibawa oleh setiap pengasas tarekat. Hal ini mengakibatkan tercetusnya fahaman dan amalan yang bercanggah dengan prinsip asal tarekat tersebut. Ibn 'Ajibah dalam Chittick (2000) menjelaskan bahawa pemutusan hubungan spiritual dengan syeikh mursyid boleh membawa kepada kekeliruan dalam pengamalan suluk.

Sayyid Ahmad bin Idris meletakkan asas keilmuan dan bimbingan spiritual dalam kerangka yang sangat tersusun, dan hal ini diwarisi serta didokumentasikan dalam manaqib dan tulisan-tulisan murid-murid beliau seperti Sayyid Muhammad bin Ali Al-Sanusi, Sayyid Uthman Al-Mirghani, Syeikh Ibrahim Al-Rashid dan juga zuriat beliau seperti Sayyid Muhammad Al-Yamani Al-Idrisi, Sayyid Ahmad Mustofa Al-Idrisi dan lainnya. Keseriusan beliau dalam memastikan tiada pemalsuan terhadap tarekatnya terbukti melalui penekanan terhadap pelantikan syeikh dan khalifah yang sah melalui ijazah rasmi dan sanad yang tersusun (O'Fahey, 1994).

Pengenalan terhadap Sayyid Ahmad bin Idris sebagai syeikh yang sahih bukan sahaja memperkuuh kefahaman *ikhwān* terhadap tarekat, malah ia berperanan sebagai benteng kepada penyelewengan manhaj. Justeru, pemahaman tentang ketokohan beliau perlu disebarluaskan melalui penulisan ilmiah, dokumentasi biografi, serta pengajian secara formal dalam institusi-institusi pengajian Islam.

Pemikiran *tajdid* Haji Muhammad Fuad menekankan keperluan mengenali syeikh mursyid yang sah dengan sanad yang muttasil. Hal ini penting bagi memastikan kesinambungan ilmu dan mengelakkan penyimpangan. Beliau membuktikan legitimasinya dengan penerimaan ijazah dari Syeikh Abdul Wahhab al-Tazi dan dokumentasi sanad rasmi. Pemikiran ini selari dengan konsep autoriti ilmiah dalam pendidikan Islam.

2. Keilmuan Sebagai Teras Tarekat

Salah satu ciri istimewa tarekat Ahmadiyah ialah orientasi keilmuannya yang kukuh dan terpandu. Manhaj Ahmadiyah mengutamakan ilmu sebagai asas suluk Sayyid Ahmad bin Idris sendiri merupakan ulama besar yang menguasai pelbagai cabang ilmu Islam termasuk tafsir, hadith, fiqh, dan tasawuf. Keunggulan beliau bukan hanya diiktiraf di rantau Arab, malah tersebar ke Afrika Utara, Hijaz, dan Nusantara (O'Fahey & Radtke, 1993).

Tarekat ini menuntut setiap pengikut agar mempelajari dan memahami aspek ilmu sebelum mengamalkannya, sejajar dengan perintah Allah dalam Surah Muhammad (47:19), "Maka ketahuilah bahawa tiada Tuhan melainkan Allah...". Ilmu menjadi dasar kepada penyucian jiwa dalam manhaj kesufian kerana ia membezakan antara yang sahih dan yang batil.

Ilmu yang dimaksudkan meliputi sanad-sanad amalan, ijazah pengajian, serta pemahaman mendalam terhadap fiqh tarekat. Aspek keilmuan inilah yang menjadikan tarekat ini sebagai pelopor kebangkitan Islam di Kelantan dan Nusantara. Tuan Tabal dan ulama-ulama sezamannya telah mengadaptasi nilai-nilai ini ke dalam sistem pendidikan pondok dan dakwah hingga menjadikan negeri Kelantan digelar "Serambi Mekah" (Che Zarrina, 1993).

Oleh itu, pengukuhan dimensi ilmu dalam tarekat adalah kunci kepada pembaharuan (*tajdid*) yang autentik serta satu strategi efektif dalam mematahkan kritikan orientalis dan kelompok anti-tasawuf yang menuduh kesufian sebagai tidak berasaskan ilmu (Sirriyeh, 2014).

Haji Muhammad Fuad mempelopori sistematikasi aurad, penyusunan semula teks asal dan mengasaskan pusat penyelidikan yang menerbitkan lebih 60 karya berkaitan tarekat. Hal ini mencerminkan pendekatan pendidikan formal dalam tarekat dan boleh dijadikan model dalam pendidikan Islam kontemporari.

3. Pemeliharaan Ketulenan Amalan

Ketulenan (authenticity) merupakan prinsip asas dalam mempertahankan kewibawaan sesebuah tarekat. Dalam konteks tarekat Ahmadiyah, ketulenan amalan dijaga melalui pewarisan ijazah, sanad, dan dokumentasi karya Sayyid Ahmad bin Idris. Manhaj beliau yang bersandarkan kepada al-Quran dan Sunnah tidak membuka ruang kepada amalan rekaan atau tokok tambah yang tidak mempunyai asas syar'i.

Sayyid Ahmad bin Idris secara terang menolak taqlid buta dan menggalakkan ijtihad yang berasaskan ilmu dan dalil. Ini terbukti melalui beberapa pertembungan beliau dengan ulama konservatif di Makkah yang kurang menerima pendekatan dinamik beliau dalam menyampaikan dakwah dan memperkenalkan amalan tarekat (O'Fahey, 1994). Hal ini menunjukkan bahawa reformasi spiritual yang diperjuangkan beliau bukan berdasarkan emosi, tetapi berpijak pada autoriti ilmiah dan kefahaman rohaniah yang mendalam.

Ketulenan amalan yang diperkenalkan oleh Sayyid Ahmad seperti Zikir Makhsus, Salawat Azimiah, Istighfar Kabir, Ahzab Lima, Kanz Sa'adah dan lainnya merupakan hasil daripada pengalaman rohaniah dan kefahaman tasawuf beliau yang sahih. Setiap satu daripada amalan tersebut terkandung dalam manuskrip dan tulisan tangan Sayyid Ahmad bin Idris dan para murid beliau. Kajian moden oleh Al-Kurdi (2021) menunjukkan bahawa warisan manuskrip tarekat ini menjadi antara sumber primer yang penting dalam menilai sejauh mana kesinambungan dan keaslian amalan tarekat dalam konteks kontemporari.

Sebarang perubahan atau modifikasi terhadap amalan tarekat tanpa justifikasi ilmiah perlu dielakkan kerana ia berpotensi merosakkan maqasid utama manhaj tarekat. Dalam era globalisasi ini, pendekatan sistematik terhadap dokumentasi, digitalisasi manuskrip, dan pengembangan kajian kritikal adalah langkah penting dalam memastikan ketulenan amalan terus dipelihara dan difahami secara betul oleh generasi akan datang.

Ketulenan amalan menjadi teras pembaharuan yang dibawa leh Haji Muhammad Fuad. Melalui dokumentasi manuskrip, talqin aurad rasmi dan penerbitan semula teks asal, Haji Muhammad Fuad menolak segala bentuk inovasi palsu yang mencemarkan tarekat. Prinsip ini penting dalam pendidikan Islam agar disiplin ilmu dan amal tidak terpesong daripada sumber asalnya.

8. IMPLIKASI TERHADAP PENDIDIKAN ISLAM

Konsep tarekat sebagai institusi tarbiah dapat memulihkan nilai ruhiyyah dalam sistem pendidikan Islam moden yang kini lebih cenderung kepada pendekatan kognitif semata-mata. Secara umumnya, pendekatan *tajdid* dalam tarekat Ahmadiyah yang dibincangkan ini berpotensi menjadi model pengintegrasian antara pendidikan formal dan rohani. Model ini boleh diadaptasi dalam institusi pengajian Islam melalui:

- Kurikulum berasaskan Sanad dan Aurad yang sahih.
- Latihan spiritual secara sistematik dan berkala.
- Penekanan kepada pembinaan akhlak dan adab dalam pendidikan.
- Penglibatan aktif ulama mursyid dalam sistem pendidikan.

Tajdid dalam tarekat melalui pemikiran yang telah dinyatakan dilihat berperanan dalam merangka sistem Pendidikan Islam yang lebih terpandu dan menyeluruh terutamanya dalam aspek tarbiah ruhiyyah dan akhlak melalui pendekatan tarbiah yang diperkenalkan oleh tokoh-tokoh tarekat terkemuka seumpama tarekat Ahmadiyah yang dibicarakan dalam kajian ini.

9. KESIMPULAN

Tarekat Ahmadiyah merupakan tarekat ilmu serta mempunyai metode amalan yang tersusun dan berkesan seperti yang telah digariskan oleh pengasasnya Sayyid Ahmad bin Idris. Tarekat ini perlu dijalani berasaskan ilmu, pengiktirafan mursyid yang sah, dan pemeliharaan warisan amalan. Kebenaran dan kejayaan para pengamal dalam menjalani tarekat ini adalah bergantung kepada usaha kembali kepada ketulenan manhaj yang dibawa oleh Sayyid Ahmad bin Idris, dimulai dengan mengenali peribadi dan nilai keilmuan beliau selaku Syeikh utama Tarekat Ahmadiyah.

Kegagalan kembali kepada rujukan-rujukan utama yang merupakan karya-karya tulen Sayyid Ahmad bin Idris dan murid-murid beliau akan menatijahkan kepada salah faham serta salah laku dalam pengamalan tarekat ini yang teguh berdiri di atas landasan Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Menjalani tarekat ini di bawah seliana dan pantauan wakil atau khalifah yang dilantik secara sah juga

merupakan kemestian dalam memastikan terpelihara dan terhubungnya sanad ilmu dan amal kepada Sayyid Ahmad bin Idris seterusnya kepada Rasulullah S.A.W.

Pemikiran tajdid yang diketengahkan oleh Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin dalam tarekat Ahmadiyah merupakan usaha yang berpaksikan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah, bersifat ilmiah dan bersanad. Implikasinya terhadap pendidikan Islam sangat signifikan khususnya dalam aspek pembinaan sahsiah, pembersihan hati, dan transformasi akhlak. Justeru, pelaksanaan pendidikan tarekat yang sahih perlu diperkasa melalui penginstitusian yang tersusun agar ia dapat menyumbang kepada kebangkitan ummah berasaskan nilai-nilai Rabbani.

Sebagai kesimpulan, tarekat merupakan institusi kerohanian yang signifikan dalam sejarah pendidikan Islam. Ia berperanan bukan sahaja dalam membina jati diri spiritual individu, tetapi juga dalam membentuk masyarakat yang berasaskan nilai-nilai Rabbani. Berdasarkan kajian ini dapat difahami bahawa pemikiran tajdid yang dibawa oleh Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin mampu menjadi model terbaik dalam menangani cabaran semasa serta memposisikan semula tarekat sebagai jalan sahih dalam pendidikan rohani umat. Usaha beliau perlu disokong dalam kerangka penginstitusian tarekat secara ilmiah dan sah di sisi Syariah khususnya bagi tarekat Sayyid Ahmad bin Idris dan umumnya bagi seluruh tarekat yang lain.

Kajian lanjutan diperlukan dalam membangunkan kerangka pendidikan Islam berasaskan tarekat termasuk modul latihan mursyid, silibus aurad dan pengurusan institusi pendidikan berteraskan kerohanian.

Research and Publication Ethics Statement

For this study, data has been gathered with each respondent's prior consent to provide feedback. No names or other personally identifiable information is gathered, so no identities are disclosed in this paper. Based on the information gathered and the defined study objectives, an objective analysis has been made.

Contribution Rates of Authors to the Article

All authors contributed to the preparation of this paper.

Statement of Interest

The authors declare that they have no conflict of interest.

REFERENCES

- Abdul Majid Omar. (2008, April). *Ancaman ajaran sesat terhadap keharmonian rakyat Malaysia* [Paper presentation]. Seminar Penerangan Ajaran Salah dan Isu Semasa. Shah Alam, Selangor.
- Ahmad Mustofa. (2023). *Min 'Alam al-Sufiyah : al Sayyid Ahmad ibn Idris Tokoh Ulama' Sufi Imam Ahmad ibn Idris* (Muhammad Fuad Kamaludin, Trans.). Negeri Sembilan: Institut Imam Ahmad ibn Idris.
- Ahmad Zaini. (2017). Pemikiran Tasawuf Imam Al-Ghazali. *Esoterik*, 2(1), 146-159. <https://doi.org/10.21043/esoterik.v2i1.1902>
- Ahmad Zaki Berahim@ Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor. (2009). Tuan Tabal (m. 1891) dan Sumbangannya dalam Perkembangan Islam di Tanah Melayu. *Journal of Al-Tamaddun*, 4(1), 129-143. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8341>
- Al-Kurdi, M. A. (2021). The role of manuscripts in preserving sufi traditions: A case study on the Idrisiyya order. *Journal of Islamic Manuscript Studies*, 10(2), 115–138.
- Bellamy, J. A., & Trimingham, J. S. (1975). The sufi orders in Islam. *Journal of the American Oriental Society*, 95(1), 138. <https://doi.org/10.2307/599261>
- Che Zarrina Saari. (1993). Kemasukan Tariqat Ahmadiyyah ke Malaysia Bhgn 2 (The Advent of Ahmadiyyah Order to Malaysia, Part 2), *Ruhaniyyat*, 5 (2), Dept. of Prime Minister, Kuala Lumpur, pp. 3-7. *Mass Media (newspaper, radio, tv, popular Magazine)*
- Che Zarrina Saari. (1999). An Analytical Study Of Rise And Development Of Sufism: From Islamic Asceticism To Islamic Mysticism. *Journal of Usuluddin*. 10, 21-42. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/3771>
- Che Zarrina Saari. (2008). Tarekat Ahmadiyah: Biografi Shaikh Ahmad B. Idris dan Sumbangannya Terhadap Alam Kesufian (Ahmadiyah Order: Biography of Shaykh Ahmad b. Idris and His Contributions to Sufis World), *Siri Penjelasan Tasauf, Johor: Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Johor* fgv<https://www.facebook.com/771632139563568/posts/3448895531837202/> 21 September 2020.
- Chittick, W. C. (2000). Time, Space, and the Objectivity of Ethical Norms: The teachings of Ibn al-'Arabī. *Islamic Studies*. 39(4), 581-596. Retrieved from

- https://www.academia.edu/7371359/Time_Space_and_the_Objectivity_of_Ethical_Norms_in_the_Teachings_of_Ibn_al_Arabi
- Institut Imam Ahmad ibn Idris. (2024, February 8). *Al Durrab Al Fardiyyah Fi Al Aurad Al Ahmadiyyah : Hadiah Istimewa Sempena Sambutan Haul Imam Ahmad Ibn Idris Ra Ke-192*. Retrieved from <https://www.facebook.com/share/v/16Msbc9rMZ/>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masyyakhah Tarekat Ahmadiah Idrisiah Muhammadiyah Asia Tenggara. (2020). *Al Wafa : Ketetapan-ketetapan Rasmi Masyyakhah Tarekat Ahmadiah Idrisiah Muhammadiyah Dunia 1438-1440 Hijrah / 2017-2019 Masabi*.
- Mohammad Fahmi Abdul Hamid & Ishak Sulaiman. (2017). Impact of integrated management on the development of Tarekat Tasawuf in Negeri Sembilan, Malaysia. *Jurnal Intelek*, 12(2), 1-10. Retrieved from <https://journal.uitm.edu.my/ojs/index.php/JI>
- Mohammad Hashim Kamali. (2013). Tajdid, Islah and Civilisational Renewal in Islam. *ICR Journal*, 4(4), 484-511. <https://doi.org/10.52282/icr.v4i4.434>
- Mohammad Jailani & Suyadi Suyadi. (2021). The Relevance of KH Ahmad Dahlan's Tajdid Thoughts on Islamic Education During the Covid-19 Pandemic. *Jurnal Educative: Journal of Educational Studies*, 6(2), 111-127. <https://doi.org/10.30983/educative.v6i2.5176>
- Mohd Faizal Harun. (2015). *Tasaruf dan tarekat sejarah perkembangan dan alirannya di Malaysia*. Sintok: UUM Press,
- Mohd Haidhar Kamarzaman. (2018). Pengenalan Terhadap Institusi Tasawuf di Malaysia: Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyyah. *Proceeding 3rd International Seminar on Islamic Thought Islam Rahmatan Lil 'Alamin (Mery to the World)*, 203-219).
- Mokhtar Lotfi Mohamed, Syed Hadzrullathfi Syed Omar & Mohd Alwee Yusoff. (2020). Analisis kedudukan Sidi Muhammad Azahari dalam sejarah Tarekat Ahmadiyah Kelantan. *Al-Basirah*, 10(1), 37-52. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/24598/11738>
- Muhammad Ali. (2018). *Risalah Al Aurad Al Idrisiah* (Muhammad Fuad Kamaludin, Trans.). Selangor: Masyyakhah Tarekat Ahmadiah Idrisiah.
- Muhammad Fuad Kamaludin. (2020a). *Tarekat Muhammadiyah*. Negeri Sembilan: Pertubuhan Tarekat Muhammadiyah.
- Muhammad Fuad Kamaludin. (2020b). *Titisan Hujan Lautan Sufi*. Negeri Sembilan: Sofa Production Sdn. Bhd.
- Muhammad Fuad Kamaludin. (2022a). *Kembara Ahmadi*. Negeri Sembilan: Institut Imam Ahmad ibn Idris.
- Muhammad Fuad Kamaludin. (2022b). *Manaqib Qutb Dairah Al Taqdis Sayyid Ahmad Ibn Idris*. Negeri Sembilan: Institut Imam Ahmad ibn Idris.
- Muhammad Fuad Kamaludin. (2022c) *Limpahan Muhammadiyah Ke Atas Tarekat Ahmadiah*. Negeri Sembilan: Institut Imam Ahmad ibn Idris.
- Muhammad Fuad Kamaludin. (2023a). *Min Turath Imam Ahmad ibn Idris*. Negeri Sembilan: Institut Imam Ahmad ibn Idris.
- Muhammad Fuad Kamaludin. (2023b). *Tiga Mentari Ahmadi*. Negeri Sembilan: Sofa Production Sdn. Bhd.
- Muhammad Fuad Kamaludin. (2024). *Permata Ungul Dalam Aurad Ahmadiah*. Negeri Sembilan: Institut Imam Ahmad ibn Idris.
- Mujahid Abd Wahab. (2015). *Dato' Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin : Detik-Detik 20 Tahun Memahat Episod Sebuah Perjuangan*. Negeri Sembilan: Sofa Production Sdn. Bhd.
- Nasr, S. H. (2007). *The Garden of Truth: The Vision and Promise of Sufism, Islam's Mystical Tradition*. California: HarperOne.
- O'Fahey, R. S. (1990). *Enigmatic Saint: Ahmad Ibn Idris and the Idrisi Tradition*. Illinois: Northwestern University Press.
- O'Fahey, R. S., & Radtke, B. (1993). Neo-Sufism Reconsidered. *Der Islam*, 70(1), 52-87.
- Omara, A., & Berghout , A. (2025). Al-Azhar's approach to tajdīd: A case study of Fiqh textbooks. *At-Tajdid - Intellectual Refereed Journal*, 29(57), 351-377. Retrieved from <https://journals.iium.edu.my/at-tajdид/index.php/tajdид/article/view/1114>
- Sirriyeh, E. (2014). *Sufis and Anti-Sufis: The Defence, Rethinking and Rejection of Sufism in the Modern World*. London: Routledge.
- Siti Zuraidah Ismail. (2010). Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran. *Jurnal Syariah*, 18(2), 247-276. Retrieved from <https://jpmm.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22663>
- Soleh al Ja'fari. (t.t). *Fath wa Fa'idh wa Fadl min Allah*.
- Soleh al Ja'fari. (t.t). *Zakhirah Muajjalah*, 23, Soleh al Ja'fari, *Fuyudhat Ja'fariah*.
- Suria Saad & Ahmad Yussuf. (2022). Analisa pendekatan tarbiyah Sayyid Ahmad bin Idris Al Fasi dan kesannya dalam dakwah di alam Melayu. *AR-RĀ'IQ*, 5(1), 75-93.
- Suria Saad & Nor Dalilah Zakaria. (2021). *Mencari Ahmad*. Negeri Sembilan: Institut Imam Ahmad ibn Idris.
- Syed Hadzrullathfi Syed Omar & Nurul Aarifah Musa. (2015). Tarekat Sufi Suatu Keperluan Zaman : Sorotan Pandangan Badiuzzaman Said Al-Nursi. 6-7 September 2015 – Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia *Proceedings of ICIC2015-International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century* e-ISBN: 978-967-13705-0-6, September, 413-418.
- Jakim. (2017). *Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah: Kajian Perkembangan Dan Amalannya Di Malaysia*. Retrieved from <http://esmaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15474>.
- Zuraidah Othman. (2012). *Tajdid Ilmu Dan Pendidikan: Tinjauan Apresiatif Terhadap Pemikiran Pendidikan Islam Sidek Baba*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.